

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

SOALAN

Tuan Chiew Choong Man [Miri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai kesemua permohonan menaik taraf lapangan terbang yang telah diangkat oleh Kementerian Pengangkutan dan dihantar kepada Kementerian Ekonomi atau EPU dari tahun 2015 hingga 2024 bagi mendapatkan kelulusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam projek menaik taraf lapangan terbang yang telah dimohon seperti di dalam Sistem SPP II dalam tempoh tahun 2015 sehingga tahun 2020. Projek-projek ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Ekonomi (KE) seperti perincian berikut:

Bil.	Tahun Permohonan	Nama Projek	Kos Projek (RM)
1.	2015	Menaik Taraf Lapangan Terbang Sandakan	70,000,000
2.	2015	Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu Pakej 2 – Bangunan Terminal	6,000,000
3.	2015	Menaiktaraf Lapangan Terbang Miri – Pembesaran Apron dan Laluan Taksi	84,000,000
4.	2015	Menaiktaraf Lapangan Terbang Mukah, Sarawak	91,000,000
5.	2015	Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang	11,000,000
6.	2016	Pembesaran Dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan	450,000,000

- Selain itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) juga turut memohon empat projek menaik taraf lapangan terbang dalam tempoh tahun 2021 sehingga 2024 seperti berikut:

NO. SOALAN: 407

Bil.	Tahun Permohonan	Nama Projek	Kos Projek (RM)	Status Permohonan
1.	2021	Kerja-Kerja Naiktaraf Dan Pelan Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	14,500,000,000	Tidak Lulus
2.	2023	Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Miri, Sarawak	60,000,000	Tidak Lulus
3.	2024	Cadangan Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Miri, Sarawak	60,000,000	Tidak Lulus
4.	2024	Cadangan Menaiktaraf Lapangan Terbang Tawau, Sabah	103,000,000	Lulus

3. Daripada empat projek di atas, Kementerian Ekonomi (KE) telah meluluskan satu projek iaitu Cadangan Menaiktaraf Lapangan Terbang Tawau, Sabah dan pelaksanaan projek telah bermula pada tahun ini.

4. Seterusnya, permohonan projek menaik taraf bangunan terminal sedia ada daripada 2.0 MPPA kepada 4.0 MPPA di Lapangan Terbang Miri, Sarawak telah diangkat kepada Kementerian Ekonomi (KE) untuk pertimbangan di bawah RP5 Tahun 2025, RMKe-12.

Sekian, terima kasih.